

## Kempen Bancassurance Regular Premium FD Hong Leong Tahun Baru Cina 2019

### TEMPOH PROMOSI

Kempen Bancassurance Regular Premium FD Hong Leong Tahun Baru Cina 2019 (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) bermula pada **22 Januari 2019** dan berakhir pada **28 Februari 2019**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

Promosi ini hanya terbuka kepada produk-produk (seperti dinyatakan di bawah) yang dilangani semasa **Tempoh Promosi** dan mesti dikuatkuasakan selewat-lewatnya **15 Mac 2019**.

### Terma dan Syarat

#### KELAYAKAN

- Promosi** terbuka kepada seluruh pelanggan HLB yang baharu dan sedia ada termasuk pemastautin warga Malaysia dan bukan warga Malaysia (“**Pelanggan**”) yang, semasa Tempoh Promosi
  - memohon mana-mana Produk Bancassurance Regular Premium sertaan seperti dinyatakan dalam fasal 2 dan
  - membayar **Premium Perniagaan Baharu** dengan **Saiz Premium Tahunan** minimum bagi Produk-produk Bancassurance Regular Premium sertaan berkenaan (“Pelanggan Layak”).
- Produk-produk Bancassurance Regular Premium sertaan bagi Promosi ini adalah **Hong Leong SMART 3 Insurance, Hong Leong SMART Cash Insurance, Hong Leong SMART Value Insurance, Hong Leong SMART 5 Insurance, Hong Leong Senior Secure, Hong Leong SMART Saver Plus** dan **Prestige Life** (secara kolektif disebut “**Produk-produk**” dan secara individu disebut “**Produk**”) yang kesemuanya ditaja jamim oleh penanggung insurans, Hong Leong Assurance Berhad (“HLA”)(94613-X).
- Bagi mengelakkan keraguan:-

“**Premium Perniagaan Baharu**” bermakna premium tahun pertama dibayar untuk membeli mana-mana Produk tersebut;

“**Saiz Premium Tahunan**” bermaksud jumlah amaun premium yang dibayar setiap tahun dengan minima Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (RM15,000) bagi Hong Leong SMART 3 Insurance, Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) bagi Hong Leong SMART Value Insurance, Hong Leong SMART 5 Insurance, dan Ringgit Malaysia Enam Ribu (RM6,000) bagi Hong Leong SMART Cash Insurance, Hong Leong Senior Secure, Hong Leong SMART Saver Plus dan Prestige Life.
- Pelanggan Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan Pelan Insurans Hayat dan/atau mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/HLISB (“**HLISB**”) (**686191-W**) atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada HLB/HLISB, bank-bank lain atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi.
- Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB/HLISB dan/atau HLA berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang dinyatakan di dalam ini akan serta-merta terlucut kelayakannya daripada menyertai Promosi.
- HLB dan HLA berhak menolak kelayakan mana-mana Pelanggan menyertai Promosi atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLB dan/atau HLA menurut budi bicaranya yang mutlak.

## KAEDAH

7. Pelanggan Layak yang meletakkan deposit FD dalam akaun FD sedia ada mereka atau akaun FD baharu dengan HLB dengan amaun ditetapkan bagi Produk-produk berkenaan semasa Tempoh Promosi adalah berhak menikmati Faedah FD Promosi seperti tertera di bawah ("**Pelanggan Layak Bersyarat**") :

Produk	Saiz Premium Tahunan	Amaun Peletakan Deposit Tetap ("FD")	Faedah FD Promosi
<b><u>Kategori A</u></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Hong Leong SMART 3 Insurance</li> </ul>	Minima RM15,000	Berasaskan 1 : 1 hingga maksimum RM20,000	Faedah FD <b>3 Bulan</b> ("Tempoh FD") pada kadar efektif <b>8.00% setahun</b>  &  <b>Pinggan Tahun Baru Cina</b>  Terhadap kepada 2,000 pertama Pelanggan Layak Bersyarat sahaja (bagi setiap pelanggan)
<b><u>Kategori B</u></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Hong Leong SMART 3 Insurance</li> <li>Hong Leong SMART 5 Insurance</li> </ul>	Minima RM10,000		
<b><u>Kategori C</u></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Hong Leong SMART Cash Insurance</li> <li>Prestige Life</li> <li>Hong Leong Senior Secure</li> <li>Hong Leong SMART Saver Plus</li> </ul>	Minima RM6,000		

**\*Perhatian: Deposit tetap dan insurans layak dilindungi oleh PIDM.**

8. Bagi mengelakkan keraguan, Faedah FD Promosi ini hanya diberi atas dasar siapa cepat dia dapat dan dihadkan kepada dua ribu (2,000) pertama Pelanggan Layak Bersyarat.
9. Pelanggan hanya boleh membuat peletakan FD setelah mendapat kelulusan penanggung insurans, HLA bagi Produk-produk yang dimohon sahaja dan selepas luputnya tempoh bertenang lima belas (15) hari kalendar sebaik sahaja polisi berjalan kuatkuasanya. Surat pemberitahuan akan disampaikan oleh HLB kepada kakitangan jualan HLB dan juga HLA yang kemudiannya akan memberitahu Pelanggan Layak. Pelanggan Layak pula dikehendaki membawa surat Pemberitahuan kepada mana-mana cawangan HLB sebagai bukti kelayakan untuk menikmati Faedah FD Promosi supaya boleh membuat peletakan FD itu, jika tidak Pelanggan Layak dianggap tidak layak untuk menyertai Promosi ini dan Pelanggan Layak adalah berkewajipajn untuk mendapatkan surat Pemberitahuan tersebut daripada HLB. Sekiranya Pelanggan Layak tidak menerima surat Pemberitahuan tersebut daripada HLB, maka HLB tidaklah bertanggungjawab atas ketidakterimaasn surat Pemberitahuan oleh Pelanggan biar apa pun sebabnya.
10. Bagi mengelakkan keraguan, HLB akan menjadikan surat Pemberitahuan itu sebagai panduan untuk memastikan kelayakan Pelanggan Layak untuk membuat peletakan FD masing-masing dengan HLB.

11. Setiap Pelanggan Layak Bersyarat hanya berhak menikmati Faedah FD Promosi sebanyak satu (1) kali sahaja (sama ada dalam akaun FD individu di bawah nama Pelanggan Layak Bersyarat sahaja atau akaun FD bersama dan dalam hal ini Pelanggan Layak Bersyarat adalah Pemegang Akaun FD Utama) tanpa mengira bilangan Produk yang dilanggan sepanjang Tempoh Promosi. Bagi akaun FD bersama, hanya akaun FD bersama sahaja Pelanggan itu (seperti disebut dalam surat Pemberitahuan) Pemegang Akaun FD Utama, berhak menikmati Faedah FD Promosi.
12. Sekiranya Produk dibatalkan oleh mana-mana pihak atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila masa dalam Tempoh FD bagi peletakan FD itu, maka Pelanggan Layak tidak berhak menikmati Faedah FD Promosi. Dalam keadaan sedemikian, kadar semasa FD konvensional bagi Tempoh FD itu akan digunakan dari peletakan FD.
13. Faedah FD Promosi di bawah Promosi ini akan dikreditkan ke dalam akaun semasa atau akaun simpanan ("CASA") namaan Pelanggan Layak Bersyarat pada tarikh matang Tempoh FD itu. Tokokan faedah kepada peletakan FD permulaan tidak dibenarkan.
14. Pada tarikh matang, FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa FD konvensional. Pengeluaran sebahagian FD semasa Tempoh FD tidak dibenarkan.
15. Pengeluaran FD hanya boleh dibuat di cawangan asal bank iaitu cawangan tempat peletakan FD dibuat pada mulanya.
16. Sekiranya FD ditarik keluar sebelum tarikh matang Tempoh FD berkenaan, maka faedah tidak akan dibayar bagi mana-mana FD yang ditarik keluar itu.
17. Jika kemudiannya didapati Pelanggan Layak Bersyarat tidak memenuhi mana-mana atau kesemua Terma & Syarat di bawah Promosi ini, maka HLB berhak menolak balik dan memotong Faedah FD Promosi tambahan yang dikreditkan sebelum ini daripada CASA Namaan Pelanggan Layak Bersyarat. Pelanggan Layak Bersyarat akan diberitahu oleh HLB melalui surat sebelum penolakan balik Faedah Promosi FD dan potongan dilakukan daripada CASA namaan Pelanggan Layak Bersyarat.
18. Promosi ini TIDAK sah digunakan bersama-sama promosi lain yang sedang berlangsung dan ditawarkan oleh HLB bagi Produk-produk berkenaan dari semasa ke semasa.
19. Selain promosi FD di atas ini, Pelanggan Layak yang membeli Produk dengan amaun ditetapkan sekurang-kurangnya seperti tertera dalam jadual di bawah semasa Tempoh Promosi juga akan mendapat diskaun Baucar Premium RM 88 ("**Baucar Premium**").

Produk	Saiz Premium Tahunan	Baucar Premium
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hong Leong SMAR3 Insurance</li> <li>• Hong Leong SMART Value Insurance</li> <li>• Hong Leong SMART 5 Insurance</li> </ul>	<p>Minima</p> <p>RM10,000</p>	<p><b>Diskaun Baucar Premium RM88</b></p> <p>Dihadkan kepada <b>1,000</b> pertama Pelanggan Layak Bersyarat sahaja (bagi setiap pelanggan)</p>

20. Bagi mengelakkan keraguan, pemberian Baucar Premium adalah atas dasar siapa cepat dia dapat dan dihadkan kepada seribu (1,000) pertama Pelanggan Layak Bersyarat.
21. Baucar Premium hanya sah dan akan digunakan sebagai diskaun atas Premium Perniagaan Baharu semasa dikemukakan bersama-sama borang cadangan.
22. Setiap Pelanggan Layak Bersyarat hanya berhak mendapat Baucar Premium untuk satu (1) kali sahaja.
23. Pelanggan hendaklah menandatangani semua dokumen standard bagi Pelan Insurans yang meliputi permohonan, borang penamaan dan borang pencarian fakta pelanggan. Semua permohonan Pelan Insurans adalah tertakluk kepada kelulusan HLA dan Terma & Syarat yang dikenakan oleh HLA atas budi bicara mutlak HLA.
24. Baucar Premium di bawah Promosi ini tidak boleh dibayar balik dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, dan cek atau manfaat barangan.
25. Pelanggan adalah bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.

## UMUM

26. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan:-
  - (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi dan mana-mana terma dan syarat berkenaan yang dikenakan oleh HLB dan HLA dari semasa ke semasa;
  - (b) bersetuju bahawa keputusan HLB dan/atau HLA atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayani.
27. HLB dan/atau HLA berhak menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini dan/atau butir-butir produk, secara keseluruhan atau sebahagian atas budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan cara yang dianggap sesuai oleh HLB dan/atau HLA untuk memberi notis awal kepada Pelanggan tentang hal-hal yang ditambah, digugurkan atau dipinda itu.
28. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa tak eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

## **PENAFIAN INSURANS**

Dokuman ini bukan dimaksudkan sebagai jemputan atau tawaran untuk melanggan insurans, juga bukan rayuan oleh HLB untuk melanggan insurans oleh sesiapa. Pelanggan dinasihatkan supaya membaca dan memahami isi kandungan brosur/kontrak polisi sebelum menurunkan tandatangan.

### **\*NOTA PENTING:**

- 1. INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIIKAT KEPADA PRESTASI ASET-ASET PENDASAR, DAN BUKANLAH PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA MESTILAH MENILAI OPSYEN ANDA DENGAN CERMAT DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN ITU MENEPATI SELERA RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU BAYAR PREMIUM SEPANJANG JANGKA MASA POLISI ITU. JIKA ANDA INGIN MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, MAKA SELOK-ELOKNYA ANDA MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI "TOKOKAN". PULANGAN BAGI DANA BERKAITAN PELABURAN INI TIDAKLAH DIJAMIN.**
2. Pelanggan tidak diliputi oleh dana pampasan di bawah Bahagian IV Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Dana pampasan ini tidak diperluas kepada Pelanggan jika Pelanggan mengalami kerugian kewangan akibat penggelapan, salah guna wang dan harta lain secara fraud, oleh pengarah, pegawai, pekerja atau wakil HLB.
3. Pelan di atas ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad (HLA). HLA ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sesetengah manfaat yang diliputi di bawah polisi insurans yang ditawarkan oleh HLA adalah dilindungi oleh PIDM daripada kerugian sebahagian atau keseluruhan manfaat insurans, seandainya berlaku kegagalan di pihak ahli syarikat insurans. Untuk butir-butir lanjut tentang had perlindungan dan ruang lingkup liputan, dapatkan brosur maklumat PIDM daripada HLA atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).